

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 21 MAY 2016 |

Pelbagai dana bantu usahawan - PM

um-21/5/2016

KUALA LUMPUR 20 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan menyediakan banyak kemudahan bagi menggalakkan orang ramai terutama golongan berpendapatan rendah menceburi bidang keusahawanan.

Menurut Perdana Menteri, mereka yang tidak mempunyai modal boleh memohon dana yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb), Program Akhiri Zaman Miskin (1Azam) dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB).

Beliau memberitahu, dana tersebut diberikan dalam ben-

tuk geran, pinjaman berfaedah rendah serta pinjaman dengan tempoh bayar balik selepas dua tahun.

“Ini semua merupakan dana yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat untuk mengembangkan sumber pendapatan.

“Bagi mereka yang bimbang terhadap risiko, pemberian dana-dana ini diiringi dengan latihan kemahiran,” katanya melalui rakaman audio yang disiarkan blog *NajibRazak.com* hari ini.

Beliau menjelaskan, pengalaman yang lebih banyak dalam keusahawanan dan pengurusan perniagaan akan mengurangkan kebarangkalian untuk melakukan kesilapan.